



Modul Asas Halaqah Al-Quran

ISI KANDUNGAN

BIL.	TAJUK	M/S
1	Erti Syukur	2
2	Kecemerlangan Akademik	3
3	3 Hidayah Utama	4
4	Matlamat Hidup Muslim	5
5	Kepentingan Usrah	6
6	Pengenalan Akidah	7
7	Kepentingan Syahadatain	8
8	Riwayat Hidup Rasulullah S.A.W	12
9	Tafsir Al-Fatihah	20
10	Tafsir An-Naas	23
11	Tafsir Al-Falaq	24
12	Akhlak Muslim	25
13	Keutamaan solat	26
14	Mengenal Keaiban Diri	27
15	Hadith : Mujahadah 1 & 2	28
16	Galakan Membaca Al-Quran	29

"Hai orang-orang yang beriman, jika kamu menolong (agama) Allah, nescaya Dia akan menolongmu dan meneguhkan kedudukanmu."

- Surah Muhammad : 7 -

ERTI SYUKUR

1. Kenapa perlu bersyukur?

- kerana banyak nikmat yang telah dianugerahkan Allah
- Antaranya:-
 - i. nikmat material ; air, udara dan cahaya
 - ii. nikmat kesihatan, masa lapang, dapat masuk U
 - iii. nikmat iman dan Islam; kasih sayang, dan ukhuwah

2. Apa Erti Syukur???

3. Hukum Syukur

- Wajib - Buat dapat pahala, tinggal berdosa.
- Dalil:
 - *Al Baqarah : 152*
 - *An Nahl : 114*
 - *Ibrahim :7*



4. Cara bagaimana kita bersyukur?

- Manifestasi terima kasih kepada Allah dilakukan dalam tatacara berikut:
 - i. **Syukur dalam hati**
 - Mengakui kasih sayang Illahi dan meyedari dalam hati ia adalah semata-mata rahmat dan kurnia Illahi
 - Berbisik dan memuji-Nya dengan lafaz Alhamdulillah
"Tuhanmu lebih tahu apa yang ada dalam jiwamu jika kamu orang-orang yang baik. Sesungguhnya Dia Pengampun bagi orang-orang yang bertaubat" (Al Isra :25)
 - ii. **Syukur dengan lisan**
 - Apa yang di dalam hati dipancarkan dengan lisan iaitu kalimah Alhamdulillah
 - Sabda Rasulullah S.A.W.
" Allah senang kepada hamba-Nya yang apabila makan mengucapkan puji syukur kepada Nya dan jika minum mengucapkan puji syukur kepada Nya (H.R. Muslim)
 - iii. **Syukur dengan amal perbuatan**
 - Menempatkan nikmat pada tempat yang diredhaiNya dan menyalurkan pada jalan yang digariskanNya
 - Kekayaan - diinfakkan pada yang miskin dan jihad fisabilillah
 - Ilmu pengetahuan - diamalkan dan diajarkan pada orang lain
 - Pangkat @ kedudukan - membuat kebajikan dan cegah kemungkar

5. Hakikat syukur - buat apa yang disuruh dan tinggal apa yang dilarang


6. Doa syukur yang diucapkan oleh Nabi Sulaiman:

" Ya Tuhanku, berilah aku ilham untuk tetap mensyukuri nikmat Mu yang telah Engkau anugerahkan kepadaku dan kepada kedua ibu bapakku dan untuk mengerjakan amal soleh yang Engkau redha, dan masukkanlah aku dengan rahmat Mu ke dalam golongan hamba-hambaMu soleh" (An Naml : 19)

KECEMERLANGAN AKADEMIK

- **Objektif :**

1. Mendedahkan peserta kepada sistem akademik dan peranan penasihat akademik di UTM.
2. Mendedahkan peserta kepada penilaian akademik di UTM.
3. Memberikan kesedaran tentang kepentingan pengurusan masa.
4. Mendedahkan kepentingan pembelajaran mengikut jadual.
5. Menekankan kepentingan persediaan awal menghadapi peperiksaan.



- **Pengisian :**

1. Sistem Akademik UTM dan Peranan Penasihat Akademik (PA):
 - Tahun akademik, kredit dan skim kredit
 - Peranan penasihat akademik - jumpa, bincang dan minta nasihat
 - Pendaftaran matapelajaran, tarik diri subjek
 - Tempoh dalam semester - 5 bulan (2 ujian, tugasan dan peperiksaan akhir)
 - 3 elemen utama,
 - Hadiri & fahami kuliah, dan buat ulangkaji setiap kali selesai sesuatu kuliah, jangan tunggu lama sbb kita mudah lupa.
 - rajin jumpa pensyarah setiap matapelajaran.
 - sentiasa mencari bahan rujukan di perpustakaan
2. Pengurusan Masa :
 - Mengesan masa efektif masing-masing
 - Pembahagian masa - peruntukan masa utk setiap subjek dan juga utk aktiviti-aktiviti lain.
 - Pengubahsuaian jadual
 - Disiplin dan sistem qadha' jika tidak penuhi jadual
3. Teknik Menghadapi Peperiksaan/Ujian :
 - Persiapan awal
 - Penyusunan nota dan rujukan
 - Kesiediaan fizikal dan mental
 - Pastikan score ujian 1 & 2, dan buat semua tugasan dengan baik kerana ia adalah markah yang mudah diperolehi.

(Rujukan : Modul Pembangunan Pelajar, Institusi Pembangunan Felo)

3 HIDAYAH UTAMA

Manusia dikurniakan dengan hidayah dan petunjuk dari ALLah swt. Tiga hidayah utama yang ALLah swt kurniakan kepada kita ialah:



1. Cinta Kebenaran Dan Benci Kebatilan

- Kebenaran ialah sesuatu yang dikatakan benar oleh ALLah swt dan RasulNya. Apa yang dikatakan salah oleh ALLah swt dan RasulNya adalah salah semata-mata. Kita hendaklah menanamkan sifat untuk menegakkan kebenaran dan benci kebatilan.
- Dalil:
"Maka berpegang teguhlah engkau kepada Al-Quran yang telah diwahyukan kepadamu. Sesungguhnya kamu berada di atas jalan yang lurus." (Az-Zukhruf : 43)
- Hadis : *"Katakanlah yang haq walaupun ia pahit"*
- Contoh kisah
 - Rabi' bin Amir - berjumpa Rostam
 - Jaafar bin Abi Talib - bertemu dengan An-Najasyi

2. 'Izzah/Bangga Dengan Islam

- Erti 'Izzah : rasa kuat, menang dan mulia diri
- Kenapa 'Izzah dengan Islam?
 - Kita bertuhankan ALLah swt, yang paling layak disembah (al-anbiya' : 22)
 - RasulaLlah saw, pemimpin yang diutus Allah swt
 - Tanpa Islam kita meraba-raba kesesatan
- Dalil :
"Sesiapa yang mahukan kemuliaan (maka hendaklah ia berusaha mencarinya dengan jalan mematuhi perintah ALLah) kerana bagi ALLah jualah segala kemuliaan..." (Fatir:10)

3. Kita Adalah Guru (Umat Pilihan)

- Guru ialah penunjuk ke arah kebenaran terutamanya diri sendiri dulu.
- Membawa konsep amar makruf nahi mungkar.
- Yang menggantung harapan, pertolongan dan hidayah dari ALLah swt.
- Dalil : Ali-Imran : 110 , As-Syuara' : 61-63
"Sesungguhnya engkau (Muhammad) tidak berkuasa memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang engkau kasihi (supaya menerima Islam) tetapi ALLah jualah yang berkuasa memberi hidayah petunjuk kepada sesiapa yang dikehendakiNya, dan Dialah yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk." (Al-Qasas:56)

MATLAMAT HIDUP MUSLIM

Tiga persoalan asas :

1. Siapa kita (dari mana kita datang) ?
2. Kenapa kita dijadikan?
3. Ke mana kita?



1. Siapa kita (dari mana kita datang)?

"Hai manusia , jika kamu dalam keraguan tentang kebangkitan (dari kubur), maka (ketahuilah) sesungguhnya Kami telah menjadikan kamu dari tanah, kemudian dari setitis air mani, kemudian dari segumpal darah, kemudian dari segumpal daging yang sempurna, agar Kami jelaskan kepada kamu dan Kami tetapkan dalam rahim, apa yang Kami kehendaki sampai waktu yang telah ditentukan , kemudian Kami keluarkan kamu sebagai bayi, kemudian (dengan beransur-ansur) kamu sampailah kepada kedewasaan, dan di antara kamu ada yang diwafatkan dan ada (ada pula) di antara kamu dipanjangkan umurnya sampai pikun (tua), supaya dia tidak mengetahui lagi sesuatu pun yang dahulunya telah diketahuinya, dan kamu lihat bumi ini kering, kemudian apabila telah diturunkan air ke atasnya , hiduplah bumi itu dan suburlah dan tumbuhnya berbagai macam tumbuhan yang indah." (Surah Al Haj: 5)

2. Kenapa kita dijadikan?

- Sebagai **khalifah** di muka bumi iaitu untuk mengenal hingga mengabdikan diri kepadaNya.
" Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah dimuka bumi. " (Al-Baqarah:30)
- **Mengabdi diri**, menjadi hamba kepada Allah
" Dan (ingatlah) Aku tidak jadikan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadah kepadaku" (Adz-Dzaariyat:56)
- Semua yang ada adalah milik ALLah swt, mesti digunakan semuanya - mata, telinga, kaki, fikiran dll untuk mengikut perintah ALLah.
- Buat perbandingan/ccontoh : masuk rumah orang
 - Perlu beradab dan bersopan santun

3. Ke mana kita?

- **Akhirat** - kehidupan yang kekal abadi, mesti cukup persediaan untuk bertemu dengan ALLah swt.
"Pada hari itu manusia akan keluar berselerak (dari kubur masing-masing) untuk diperlihatkan kepada mereka (balasan) amal-amal mereka." (Al-Zalزالah: 6)

Bagaimana merealisasikan matlamat hidup ini?

- Laksanakan seluruh syariat ALLah dengan meningkatkan ilmu deen dan duniawi (teknologi dsb).
- Perlaksanaan atas dasar kesedaran dari dalam diri bahawa itu adalah tanggungjawab iman.

KEPENTINGAN USRAH

- **Pengenalan :**
 - Bincang fenomena yang ada sekarang : gejala sosial dan keruntuhan akhlak, cth??
 - Kenalpasti puncanya : kerana runtuhnya institusi keluarga
 - o 2 bentuk institusi keluarga iaitu :
 - i) keturunan
 - ii) ikatan individu - yang bersatu hati untuk membangun semula kehidupan menurut Islam.
 - Konsep usrah menurut Hassan al-Banna : usrah merupakan sekumpulan individu muslim yang berusaha tolong-menolong sesama mereka untuk memahami, menghayati dan mengamalkan Islam.

 - **Antara Tujuan Usrah :**
 - Meningkatkan taaruf, taawun dan ukhuwwah di kalangan anggota usrah.
 - Memperbaiki amalan dan akhlak ke arah pengukuhan iman dan penyempurnaan ibadah.
 - Memperbaharui azam dan tekad untuk terus melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan oleh Allah s.w.t kepada hambaNya.
 - Saling tegur-menegur ke arah kesejahteraan.
-
- **Rukun Usrah :**
 - 1) **Taaruf** : berkenalan dan berkasih mesra
 - Roh yang hendak dihidupkan ialah berkenalan serta berkasih sayang di atas rasa cinta kepada deenuLlah. Setiap anggota usrah hendaklah menyedari serta memahami hakikat ukhuwwah sejati.
 - 2) **Tafahum** : persefahaman di antara anggota dalam beramal dan bertindak
 - Di dalam usrah hendaklah sentiasa wujud persefahaman dalam sikap, amalan dan tindakan berdasarkan kebenaran dan suasana 'amal ma'ruf nahi mungkar.
 - 3) **Takaful** : saling bantu-membantu (lengkap melengkapi) di antara sesama anggota.
 - kita mestilah mengamalkan dasar takaful ini bersungguh-sungguh untuk sama-sama menolong memikul bebanan sesama sendiri. Contohnya kita hendaklah sentiasa bertanya khabar, ziarah dan bantu-membantu.

 - **Adab-adab Dalam Usrah**
 - Dalam perjalanan usrah, untuk mendapatkan keberkatan dan rahmat Allah swt:
 - 1) Niat Ikhlas kerana Allah s.w.t
 - 2) Berazam untuk mendapat ilmu yang berkat
 - 3) Keluar majlis dengan izin
 - 4) Berkasih sayang sesama anggota usrah
 - 5) Wajib hadir usrah kecuali ada uzur syari'e
 - 6) Sentiasa berpesan antara anggota usrah dengan hak dan kesabaran
 - 7) Tutup usrah dengan tasbih Kaffarah dan Surah Al-'Asr

(Rujukan: buku Usrah Dan Da'wah dan Adab-adab Usrah - Hassan al-Banna)

PENGENALAN AQIDAH

- **Pengertian Aqidah**


- Aqidah menurut bahasa berasal dari *'aqada - ya'qidu - 'uqdatan wa 'aqidatan* yang bererti:
 1. Ikatan (al-rabthu)
 2. Janji (al-'abdu)
 3. Keyakinan yang mantap (al-jazmu)
- Menurut istilah :
Perkara-perkara yang dibenarkan oleh jiwa dan hati merasa tenang kerananya serta menjadi suatu keyakinan bagi pemiliknya yang tidak dicampuri keraguan sedikit pun.

- **Sumber-Sumber Aqidah Islamiyyah**

1. Al-Quran
2. As-Sunnah
3. Al-Ijma'

- **Dasar-Dasar Aqidah Islamiyyah**

1. Iman kepada ALLah s.w.t. (2:177 / 4:136)
2. Iman kepada para Malaikat (2:97, 98, 177, 285 / 4:136)
3. Iman kepada kitab-kitab ALLah (2:177 / 4:136)
4. Iman kepada para Rasul (2:98 / 4:136)
5. Iman kepada hari akhir (2:177 / 4:136)
6. Iman kepada Qada' dan Qadar (25:2), hadith Jibril.



- **Pengaruh Aqidah Islamiyyah Dalam Pembinaan Ummat**

- Aqidah yang sahih dalam peribadi seorang Muslim mampu mempengaruhi sikap dan pandangan hidupnya sehari-hari. Ada hal-hal yang menonjol dari beberapa pengaruh aqidah yang sahih terhadap diri seseorang (muslim) :
 1. Merdeka, ertinya : lepas dari penghambaan diri kepada segala bentuk taghut (Tuhan selain ALLah), (60:4 / 109:1-5)
 2. Kemuliaan / harga diri ('Izzah), (63:8)
 3. Ketenangan (ath-thuma'ninah), (13:28)
 4. Rasa aman (al-amnu), (6:82)
 5. Optimis (al-taufuq), (12:87)
 6. Barakah (al-barakah), (7:96)
 7. Berani (asy-syaja'ah), (9:40 / 41:30)
 8. Mendapatkan kepimpinan (al-istikhlaf), (24:55)
 9. Tawakal (3:173)

KEPENTINGAN SYAHADATAIN

Objektif :

1. Memahami kepentingan syahadah dalam hidup seorang Muslim
2. Memahami syahadah sebagai pintu masuk dan intisari ajaran Islam serta menjadi dasar perubahan total sesuatu umat.

Sinopsis :

Kepentingan syahadah (ahamiyah syahadah) perlu didedahkan kepada mad'u agar dapat betul-betul memahami syahadah secara konsep dan aplikasinya. Kenapa syahadah penting kerana dengan bersyahadah seseorang boleh menyebutkan dirinya sebagai seorang Muslim, syahadah sebagai pintu bagi masuknya seseorang ke dalam Islam. Kefahaman seorang Muslim sangat bergantung kepada kefahamannya kepada syahadah. Dengan syahadah sebagai dasar seorang Muslim dapat melakukan perubahan-perubahan individu, keluarga atau pun masyarakat. Dalam sejarah para nabi dan rasul, syahadah sebagai kalimah yang diperjuangkan dan kalimah inilah yang menggerakkan dakwah nabi dan rasul. Akhir sekali, dengan syahadah tentunya setiap Muslim akan mendapatkan banyak pahala dan ganjaran yang besar dari Allah s.w.t.

Syarah :

1. Ahamiyah Syahadah (kepentingan bersyahadah)

Syahadatain adalah Rukun Islam yang pertama. Kepentingan syahadah ini kerana syahadah sebagai dasar bagi rukun Islam yang lain dan bagi tiang untuk Rukun Iman dan Dien. Syahadatain ini menjadi ruh, inti dan landasan seluruh ajaran Islam. Oleh sebab itu, sangat penting syahadah dalam kehidupan setiap Muslim. Sebab-sebab kenapa syahadah penting bagi kehidupan Muslim adalah :

- pintu masuknya Islam
- intisari ajaran Islam
- dasar-dasar perubahan menyeluruh
- hakikat da'wah para rasul
- keutamaan yang besar



2. Madkhol Ila Islam (pintu masuk ke dalam Islam)

Syarah:

- Sahnya iman seseorang adalah dengan menyebutkan syahadatain
- Kesempurnaan iman seseorang bergantung kepada pemahaman dan pengamalan syahadatain
- Syahadatain membezakan manusia kepada muslim dan kafir
- Pada dasarnya setiap manusia telah bersyahadah Rubbubiyah di alam arwah, tetapi ini sahaja belum cukup. Untuk menjadi muslim mereka harus bersyahadah Uluhiyah dan syahadah Risalah di dunia

Dalil:

- Hadith : Rasulullah s.a.w. memerintahkan Mu'az bin Jabal untuk mengajarkan dua kalimah syahadah sebelum pengajaran lainnya
- Hadith : Pernyataan Rasulullah s.a.w tentang misi Laailaha illa Llah dan kewajiban manusia untuk menerimanya
- Q: 47:19 , pentingnya mengerti, memahami dan melaksanakan syahadatain. Manusia berdosa akibat melalaikan pemahaman dan pelaksanaan syahadatain
- Q: 37:35, manusia menjadi kafir kerana menyombongkan diri terhadap Laailaha illa Llah
- Q: 3:18, yang dapat bersyahadat dalam erti sebenarnya adalah hanya ALLah, para malaikat dan orang-orang yang berilmu iaitu para Nabi dan orang yang beriman kepada mereka
- Q: 7:172, manusia bersyahadah di alam arwah sehingga fitrah manusia mengakui keEsaan ALLah. Ini perlu disempurnakan dengan syahadatain sesuai ajaran Islam

3. Khulaashah Ta'alim Al Islam (Intisari Ajaran Islam)

Sarahan :

- Kefahaman muslim terhadap Islam bergantung kepada kefahamannya pada syahadatain. Seluruh ajaran Islam terdapat dalam dua kalimah yang sederhana ini.
- Ada 3 hal prinsip syahadatain :
 - i) Pernyataan Laa ilaha illa-Llah merupakan penerimaan penghambaan atau ibadah kepada ALLah sahaja. Melaksanakan minhajiLlah merupakan ibadah kepadaNya.
 - ii) Menyebut Muhammad Rasulullah merupakan dasar penerimaan cara penghambaan itu dari Muhammad s.a.w. Rasulullah adalah tauladan dalam mengikuti minhajiLlah.
 - iii) Penghambaan kepada ALLah meliputi seluruh aspek kehidupan. Ia mengatur hubungan manusia dengan ALLah, dengan dirinya sendiri dan dengan masyarakatnya.



Dalil :

- Q: 2:21, 51:56, makna Laa ilaha illa-Llah adalah penghambaan kepada ALLah. 21:25, Rasul diutus dengan membawa ajaran tauhid.
- Q: 33:21, Muhammad s.a.w. adalah tauladan dalam setiap aspek kehidupan, 3:31, aktiviti hidup hendaknya mengikuti ajaran Muhammad s.a.w.
- Q: 6:162, seluruh aktiviti hidup manusia secara individu, masyarakat dan negara mesti ditunjukkan kepada mengabdikan ALLah s.w.t. sahaja, 3:19, 3:85, 45:18, 6:153, Islam adalah satu-satunya syariat yang direndhai ALLah, tidak dapat dicampur dengan syariat lainnya.

4. Asasul Inqilab (dasar-dasar perubahan)

Syarah :

- Syahadatain mampu merubah manusia dalam aspek keyakinan, pemikiran, mahu pun jalan hidupnya. Perubahan meliputi berbagai aspek kehidupan manusia secara individu atau masyarakat.
- Ada perbezaan penerimaan syahadatain pada generasi pertama umat Muhammad s.a.w dengan generasi sekarang. Perbezaan tersebut disebabkan kefahaman terhadap makna syahadatain secara bahasa dan pengertian, sikap konsisten terhadap syahadah tersebut dalam pelaksanaan ketika menerima mahu pun menolak.
- Umat terdahulu langsung berubah ketika menerima syahadatain. Sehingga mereka yang tadinya bodoh menjadi pandai, yang kufur menjadi beriman, yang bergelumang dengan maksiat menjadi taqwa dan abid, yang sesat mendapat hidayah. Masyarakat yang tadinya bermusuhan menjadi bersaudara di jalan ALLah.
- Syahadatain dapat merubah masyarakat dahulu maka syahadatain pun dapat merubah umat sekarang menjadi baik.

Dalil :

- Q: 6:122, penggambaran ALLah tentang perubahan yang terjadi kepada para sahabat Nabi yang dahulunya berada dalam kegelapan jahiliyah kemudian berada dalam cahaya Islam yang gemilang.
- Q: 33:33, perubahan individu contohnya terjadi pada Mus'ab b. Umair yang sebelum mengikuti da'wah rasul merupakan pemuda yang paling terkenal dengan kehidupan yang glamour di kota Makkah tetapi setelah menerima Islam, ia menjadi pemuda sederhana yang da'i, duta rasul untuk kota Madinah. Kemudian menjadi syuhada Uhud. Saat syahidnya Rasulullah membacakan ayat ini.
- Q: 37:35-37, reaksi masyarakat Quraisy terhadap kalimah tauhid, 85:6-10, reaksi musuh terhadap keyakinan kaum mukminin terhadap ALLah, 18:2, 8:30, musuh memerangi mereka yang konsisten dengan pernyataan tauhid.
- Hadith : Laa ilaha illa-Llah kalimat yang dibenci penguasa zalim dan kerajaan
- Hadith : Mereka yang konsisten dengan syahadatain akan menang dan mereka yang memusuhinya akan kalah dan hancur.
- Hadith : jamji Rasul bahawa kalimah tauhid akan memuliakan kaumnya.

5. Haqiqat Da'wah Rasul

Syarah :

- Setiap Rasul semenjak Nabi Adam a.s hingga nabi besar Muhammad s.a.w. membawa misi da'wahnya adalah syahadah.
- Makna syahadah yang dibawa juga sama iaitu Laa ilaha illa-Llah
- Da'wah Rasul sentiasa membawa umat kepada pengabdian ALLah sahaja

Dalil :

- Q: 60:4, Nabi Ibrahim berda'wah kepada masyarakat untuk membawanya kepada pengabdian ALLah sahaja.
- Q: 18:110, para nabi membawa da'wah bahawa ilah hanya satu iaitu ALLah sahaja.

6. Fadhailul A'dhim (ganjaran yang besar)

Syarah :

- Banyak ganjaran-ganjaran yang diberikan ALLah dan dijanjikan oleh Nabi Muhammad s.a.w.
- Ganjaran dapat berupa material atau pun moral. Misalnya kebahagiaan di dunia dan di akhirat, rezeki yang halal dan keutamaan lainnya.
- Keutamaan ini selalu dikaitkan dengan aplikasi dan implikasi syahadah dalam kehidupan sehari-hari.
- Dielakkannya kita dari segala macam kesakitan dan keseksaan di dunia atau pun di akhirat.

Dalil :

- Q: ALLah s.w.t. memberikan banyak keutamaan dan kelebihan bagi yang bersyahadah.
- Hadith : ALLah s.w.t akan menghindarkan neraka bagi mereka yang menyebut kalimah syahadah.

❖ Ringkasan Dalil

Kepentingan syahadatain : 4:41, 2:143

- a. Pintu masuk ke dalam Islam : (a)
- b. Intisari ajaran Islam : (b, 21:25)
- c. Dasar-dasar perubahan total : (6:122, 13:11) peribadi dan masyarakat
- d. Hakikat da'wah para Rasul a.s : (21:25, 3:31, 6:19, 16:36)
- e. Kelebihan yang besar



RIWAYAT HIDUP RASULULLAH S.A.W

- **Pertama**
 - Dilahirkan pada 12 Rabiulawal tahun gajah (20 April 671 M). Baginda dilahirkan dalam lingkungan keluarga termulia daripada keturunan Bani Hasyim. Oleh itu baginda tidaklah dianggap sebagai orang asing sekali pun mereka tidak mengakui kenabiannya.
- **Kedua**
 - Dilahirkan sebagai yatim piatu. Sewaktu usia mencecah 8 tahun, baginda dipelihara oleh datuknya Abdul Mutalib. Seterusnya baginda diasuh oleh Abu Talib sehingga dewasa.
- **Ketiga**
 - Selama empat tahun baginda menerima asuhan keluarga Bani Saad di daerah padang pasir. Baginda dikurniakan akal yang cerdas. Baginda disayangi serta menerima layanan istimewa daripada datuknya.
- **Keempat**
 - Dalam usia yang berganjak dewasa baginda menjadi pengembala kambing. dalam usia 25 tahun baginda menjadi pedagang.
- **Kelima**
 - Baginda dilindungi ALLah daripada melakukan mungkar/maksiat, walaupun baginda terdedah dalam persekitaran yang tidak baik.
- **Keenam**
 - Sejak akil baligh, baginda adalah anak yang pintar. Ini terbukti dalam peristiwa Hajar Aswad.
- **Ketujuh**
 - Baginda dikenali sebagai orang yang jujur. Ini terbukti apabila baginda dalam urusan jual belinya. Justeru telah membawa perkahwinan dengan Khadijah dalam perbezaan usia yang jauh.
- **Kelapan**
 - Rasulullah s.a.w juga berpengetahuan luas dalam bidang perniagaan di samping pengetahuan tentang hal-hal sosial yang lain.
- **Kesembilan**
 - Sebelum kerasulan, baginda sering bersendirian di Gua Hira' bagi merenung kebesaran ALLah. Di situlah baginda mendapat wahyu yang pertama.

Pengajaran yang tersirat:

- Kemuliaan seseorang da'i merupakan daya penarik perhatian masyarakat. Seseorang dari keturunan yang mulia serta baik memudahkan diri untuk didekati.
- sebagai seorang yang biasa dengan kehidupan yang susah, baginda sebenarnya menghayati makna kemanusiaan, kasih sayang, penderitaan dan penganiyaan.
- Kehidupan da'i yang jauh dari kesenangan hidup merupakan faktor kejernihan, kekuatan dan ketajaman akal fikiran bagi seorang da'i

- Penggerak dakwah atau pemimpin tidak akan begitu meyakinkan kecuali ia memiliki kecerdasan dan kepekaan.
- seorang da'i itu seelok-eloknya hidup dengan hasil usahanya sendiri, bukannya mengharapkan bantuan simpati orang lain.
- Kemantapan dan baiknya riwayat hidup seorang da'i hasil lawatan, pergaulan yang luas dengan masyarakat, faham akan adat budaya manusia serta masalah yang dihadapi boleh menjadi pengaruh yang besar terhadap kejayaan sesuatu dakwah.
- Seseorang da'i perlu menguruskan masa untuk diisi dengan peribadatan kepada Allah dan melepaskan diri daripada keserabutan kehidupan sekeliling.

Kronologi Sirah ar-Rasul S.A.W

Nabi Muhammad s.a.w dilahirkan :

- 12 Rabiulawal pada tahun Gajah
- Ibunya bernama Aminah Binti Wahab
- Ayahnya bernama Abdullah Bin Abdul Mutallib, meninggal dunia di Yathrib ketika Muhamad di dalam kandungan ibunya.
- Disusukan oleh Thuwaibah dan kemudian Halimatun Saadiah ketika berusia 5 tahun
- Baginda dibelah oleh malaikat sebanyak 2 kali iaitu ketika kanak-kanak dan kemudiannya sebelum Isra' Mikraj.

Aminah ibunya meninggal dunia

- Umur enam tahun
- Dipelihara oleh datuknya Abdul Mutallib

Kematian Abdul Mutallib

- Umur 8 tahun
- Dipelihara oleh Abu Talib, bapa saudaranya

Mengikuti Abu Talib berdagang ke Syria

- Umur 12 tahun
- Pengalaman melihat negara lain

Peperangan Fijar


- Quraisy dan Bani Kinanah menentang Bani Hawazin
- Pengalaman kemiliteran
- Ketika itu pada bulan Zulhijjah, Zulkaedah, Rejab dan Muharram adalah bulan haram bagi peperangan.

Hilf al-Fudul

- Perjanjian menentang kezaliman
- Gerakan menentang kezaliman di Mekah
- Dipelopori oleh Zubair Abdul Mutallib dan Abdullah bin Judan dan Muhammad ikut serta

Perkahwinan dengan Siti Khadijah Binti Khuwailid

- Muhammad berumur 25 tahun
- Siti Khadijah amat dikasihi Muhammad



Quraisy membina semula Kaabah

- Muhammad membuktikan sifat kepimpinannya dengan menyelesaikan masalah meletakkan Hajarul Aswad yang hamper mengakibatkan peperangan dikalangan puak Quraisy di Mekah.

Mengasingkan diri di Gua Hira'

- Selama 5 tahun, tiap-tiap bulan Ramadhan, Muhammad meninggalkan Mekah untuk bertahannuth di Gua Hira' di Jabal Nur

Muhammad diangkat menjadi Nabi

- Wahyu pertama diturunkan di Gua Hira' melalui Jibrail a.s - Surah Al-Alaq
- Umur empat puluh tahun
- Balik ke rumah dengan takut dan Khadijah memujuknya dengan dorongan

Bermula dakwah secara tertutup

- Khadijah yang pertama menerima risalah yang dibawa oleh Rasulullah, diikuti oleh Ali bin Abi Talib, Zaid bin Harithah dan sahabat karibnya Abu Bakr

Bertambah pengikut gerakan Ar-rasul

- Sahabah yang awal menerima Islam ialah Ammar, Khabbab ibn al Arrat, Uthman bin Affan, Abd Rahman bin Auf, Saad bin Abi Waqas, Talha Ubaidillah, Arqam Makhzumi, Said bin Zaid, Abdullah ibn Masud, Uthman bin Mazun, Ubaida dan Suhaib al Rum
- Rumah al Arqam Makhzumi dijadikan pusat gerakan (Dar al Arqam)

Wahyu diturunkan untuk memulakan dakwah secara terbuka

- surah al-Hijr ayat 94
- surah as-Syara' ayat 214
- ar-rasul mengumpulkan kaum Quraisy di bukit Safa dan menyeru mereka kepada Islam
- tentangan bermula dengan Abu Lahab, bapa saudara rasul sendiri
- ar-rasul mengadakan kenduri makan untuk bani Hashim dan seterusnya mengajak mereka kepada Islam
- dakwah terbuka ini di tahun ketiga kerasulan

Ombak tentangan bermula dari kaum Quraisy

- ar-rasul diejek, dihina, dituduh orang gila dan bermacam lagi kejian

Quraisy menekan Abu Talib supaya menghentikan misi ar-rasul

- ar-rasul meneruskan dakwahnya. Beliau berjanji untuk tidak undur sehingga berjaya atau dia musnah mengharung perjuangan

Quraisy mencuba teknik berkompromi

- Utbah bin Rabi' menawarkan ar-Rasul untuk menjadi raja Hijaz, emas dan perak serta wanita tercantik

Penindasan dan siksaan bermula

- Uqbah bin Abu Mu'ayyit melemparkan isi perut unta ke atas ar-rasul yang sedang bersujud di Haram. Fatimah membantunya
- Uqbah bin Ali Mu'ayyit mencekik nabi ketika nabi sedang beribadah di Ka'abah. Abu Bakar menolongnya

- Nabi diserang ketika berdakwah di Ka'abah. Harith Abi Halah cuba membantunya tetapi dibunuh - syahid
- Sahabat lain turut ditindas dengan kejam. Khabab al Arrat, Billal ibnu Rabah, Yasir, Ammar bin Yasir, Sumaiyah (ibu Ammar, isteri Yasir), Suhaib al-Rumi, Abu Fukaiha, Lubaina, Zinnira, Nahdia, Umm Umais, Abu Dzar Ghifari dan lain-lain

Nabi mengarahkan sahabatnya berhijrah ke Abisinia

- Raja Kristian Najasyi dikenali dengan keadilannya
- Sebelas sahabat lelaki dan empat perempuan memulakan hijrah. Kemudian bilangan bertambah kepada lapan puluh tiga.

Quraisy menghantar Abdullah ibni Rabi' dan Ammar ibni al-'As menghadap raja Najasyi supaya mengusir muhajirin muslimin agar dipulangkan ke Mekah. Raja Najasyi mengizinkan muhajirin untuk tinggal di Abisiniah

Umar bin Hamzah memasuki Islam

- tahun enam kerasulan
- kekuatan Islam bertambah kuat

Quraisy memulau bani Hasyim

- Abu Talib dan seluruh baginda berpindah ke gua gunung bernama Shalib Abu Talib
- Peristiwa berlanjutan dari tahun tujuh hingga tahun sepuluh kerasulan
- Hidup amat susah sekali di masa itu

Tahun sepuluh kerasulan

- Kematian Abu Talib. Nabi kehilangan pembela. Pemimpin bani Hasyim diambil oleh Abu Lahab
- Kematian Khadijah binti Khuwailid di bulan Ramadhan. Nabi kehilangan pendorong utamanya
- Nabi menamakan tahun ini "Tahun Kesedihan"

Nabi memulakan dakwah di luar Mekah

- Menyeru penduduk Taif ke Islam bersama dengan Zaid. Masyarakat Taif menyerang dan menyiksa nabi
- Nabi menyeru kabilah-kabilah yang datang ke Haji ke Islam
- Nabi juga menggunakan pesta keramaian menyeru manusia ke Islam

Isra' Mi'raj

- Allah menunjukkan tanda-tandaNya (surah al-Isra' ayat 1)

Pengislaman enam orang Khadraj dan Yathrib di Aqabah

Bai'ah Aqabah al Ula

- Tahun sebelas kerasulan
- Dihadiri oleh dua belas orang dari kaum Aus dan Khadraj
- Nabi menghantar Mus'ab bin Umair sebagai mas'ul untuk memulakan dakwah di Yathrib

Bai'ah Aqabah at Thaniah

- Tahun kedua belas kerasulan

- Tujuh puluh tiga lelaki dan dua wanita berbai'ah kepada nabi antara lain untuk mempertahankan nabi walau dengan senjata, sebagaimana mereka mempertahankan isteri dan anak-anak mereka sendiri
- Dua belas nuqaba' dilantik untuk mengepalai organisasi dakwah di Yathrib

Nabi mengarahkan sahabah untuk berhijrah ke Madina (Yathrib). Hanya yang lemah, miskin dan tertindas dikecualikan (surah an-Nisa' ayat 98).

- Tahun tiga belas kerasulan

Allah mengarah nabi untuk berhijrah

- Mekah ke gua Thaur bersama Abu Bakar. Asma' Abu Bakar membekalkan makanan. Amir Fuhairah membekalkan susu. Quraisy gagal untuk mengesan dan menangkap nabi
- Dari gua Thaur ke Quba. Dipandu oleh Abdullah ibni Uraiqit. Disambut dengan gembira oleh sahabah dan masyarakat Quba apabila sampai. Tinggal selama 14 hari dan mendirikan masjid Quba.
- Quba ke Madina. Disambut dengan kegirangan oleh kaum Ansar (Aus dan Khadraj) dan muhajirin. Tinggal di rumah Abu Ayyub

Berpindahnya pusat jemaah nabi dari Mekah ke Madinah

- Masjid Nabawiyah dibina. Azan mula dilaungkan oleh Bilal menandakan waktu sembahyang

Merepatkan ukhuwwah Islamiyah diantara Ansar dan Muhajirin

- Tiap-tiap muhajir dirakankan dengan seorang diri Ansar (muwakhat)

Mengadakan perjanjian politik dengan yang bukan Islam di Madinah. Kuam Yahudi banu Nadir, Banu Quraizah dan Banu Qainuqa'.

Penubuhan Daulah Islamiyah dan perlembagaannya di Madinah

- Tahun satu hijrah

Menyusun 'sistem pertahanan'

Perkahwinan dengan Aisyah bte Abu Bakar

Ka'abah dipindah dari Baitul Maqdis ke Mekah. Status khaira Ummah (ummah terbaik) berpindah dari Bani Israil ke ummah Muhammad

Ghazwa Badr

- Ramadhan dua Hijrah
- Nabi memimpin 314 jundullah (Ibn Ishaq) sementara Utbah bin Rabi' memimpin 1000 tentera Quraisy
- Diawal pertempuran, Hamzah membunuh Syaibah ibni Rabi'. Ali membunuh al-Walid ibni Uthbah (bin Rabi'). Ubayda dicerderakan oleh Uthbah bin Rabi' yang kemudiannya dibunuh oleh Ali dan Hamzah
- Di pertempuran, Allah menghantar barisan malaikat untuk membantu jundullah mendapat kemenangan (surah al-Anfal ayat 10)
- Abu Jahal cedera parah diserang oleh Muadh dan Muawidh. Akhirnya dipenggal lehernya oleh Abdullah ibnu Mas'ud

Fatimah bte Muhammad bernikah dengan Ali bin Abu Talib

Ghazwa banu Qainuqa'

- Melanggar perjanjian perdamaian dan mengisytiharkan perang terhadap Daulah Islamiyah
- Nabi dan tentera Islam menyerang tempat kediaman mereka dan dihalau ke Syam

Ghazwa Uhud

- Tiga Hijrah
- Quraisy dipimpin oleh Abu Sufian
- Pimpinan tentera Quraisy ialah Khalid ibni Walid. Ikrimah bin Abu Jahal, Safwan bin Ummayya, Abdullah ibni Rabi' dan Talha (bukan Talha bin Ubaidillah) pembawa bendera
- Tentera Islam dipimpin oleh nabi. Ketua tentera yang lain ialah Zubair bin Awwam, Hamzah, Abdullah bin Jubair dan Mus'ab Ummair pembawa bendera
- Hamzah syahid di tangan Wasyid dan Mus'ab Ummair di tangan Ibnu Qumaiy
- Kaum muslimat turut menolong dengan Aisyah, Umm Sulaim, Umm Salit merawat tentera dan Umm Umara mengangkat senjata mempertahankan nabi

Ghazwa Banu Nadir

- 4 Hijrah
- Dihalau dari Madina dan menetap di Khaibar

Hijab diperintahkan keatas wanita Islam

Ifk (fitnah terhadap Aisyah r.a)

- Ifk disebar oleh munafik besar oleh Abdullah bin Ubay
- Allah menurunkan surah an-Nur ayat 11 menyatakan kesucian Aisyah
- Berlaku dalam 5 Hijrah

Ghazwa Ahzab/Khandak

- 5 Hijrah
- 10000 tentera Yahudi Ghaftan (serta lain-lain banu) dan Quraisy dipimpin oleh Abu Sufian
- Tentera Islam membina parit (khandak) dikeliling kota Madina atas cadangan Salman al-Farisi
- Allah menolong menghancurkan kufur dengan angin ribut kencang (surah al-Ahzab ayat 9)
- Bani Quraiza membelot perjanjian


Bani Quraiza dihukum, tahun 5 Hijrah

Nabi bernikah dengan Zainab binti Jash

- Zainab bekas isteri Zaid bin Haritha, anak angkat Rasulullah
- Nikah atas wahyu Allah (surah al-Ahzab ayat 37)

Perjanjian Hudaibiah

- 6 Hijrah
- Nabi berangkat ke Mekah bersama 1400 (Ibn Ishaq) muslim untuk berumrah



- Bai'ah ar Ridzwan diadakan setelah Uthman bin Affan diberitakan dibunuh oleh Quraisy di Mekah
- Perjanjian perdamaian Hudaibiah ditandatangani oleh Suhail bin Amr bagi pihak Quraisy dan nabi

Khalid al-Walid, Amr al As dan Uthman bin Talha menerima Islam di depan nabi

Nabi menjemput ketua negara jiran supaya menerima Islam

- Herakulis, Raja Rom, Kisra di Parsi, Najasyi Abisinia, Hauza (Kristian) di Yemen

Ghazwa Khaibar

- 7 Hijrah
- Khaibar adalah pusat terbesar Yahudi
- Nabi bersama tentera Islam menyerang benteng-benteng tempat mereka tinggal

Nabi bernikah dengan Safiah dari keturunan bani Nadhir dan bani Quraiza

Jaafar bin Abu Talib berserta sebahagian muhajirin kembali ke Madina dari Abisinia

Nabi bernikah dengan Umm Habibah (Ramlah) Abu Sufian

Nabi mengerjakan umrah bersama muslimin seperti yang tertulis di dalam perjanjian Hudaibiah

- Dzulqaedah 7 Hijrah

Ghazwa Mu'tah

- Haritha bin Umair, utusan nabi dibunuh oleh Surahbil bin Amr Gabenor Rom di Syam
- Tentera Islam berjumlah 3000 dipimpin oleh Zaid bin Haritha
- Di medan pertempuran dengan tentera Rom, Zaid gugur Syahid. Pimpinan digantikan oleh Jaafar bin Abu Talib. Jaafar juga mendapat syahid. Pimpinan diambil oleh Abdullah binti Rawahah. Abdullah juga turut syahid. Khalid ibni Walid mengambil teraju pimpinan dan berjaya bertahan serta berundur untuk mengumpul kekuatan
- 7 Hijrah

Fath al Mekah

- 8 Hijrah
- Quraisy melanggar perjanjian Hudaibiah. Quraisy membantu banu Bakar menyerang banu Khuzaah yang bersekutu dengan nabi
- Nabi memimpin 10000 tentera Islam untuk menakluk Mekah.
- Abbas berjaya memujuk Abu Sufian menerima Islam
- Nabi bersama tentera Islam memasuki kota Mekah tanpa tentangan dari Quraisy
- Nabi menyampaikan 'khutbah kemengan'
- 'Pengampunan am' diisytiharkan kepada penduduk Mekah yang telah memusuhi Islam (kecuali segelintir)
- Berhala-berhala di Ka'abah dimusnahkan

Ghazwa Hunain

- Syawah 8 Hijrah
- Bani Thaif dan Hawazin bersekutu untuk menyerang Mekah. Tentera berjumlah 4000 orang.

- Nabi memimpin 12000 tentera Islam
- Di awal pertempuran, tentera Islam mengalami kekalahan tetapi akhirnya mereka berjaya menundukkan tentera musuh Allah
- Tentera Islam menyerang Awtas dan Taif untuk menghancurkan saki baki musuh

Ghazwa Tabuk

- Rejab 9 Hijrah
- Berita membawa kerajaan Rom akan menyerang
- Nabi memulakan persiapan perang. Uthman Affan menyediakan 300 unta dan 10000 wang dinar. Umar memberi separuh hartanya dan Abu Bakar mewakafkan semua hartanya. Kaum muslimat memberi emas mereka.
- 3 sahabat nabi yang tidak ikut serta dengan tentera Islam. Mereka ialah Kaab bin Malik, Murara ar-Rabi' dan Hilal bin Umaiyyah
- Jumlah tentera Islam ialah 30000 orang
- Cuaca amat panas terik, tanaman dan buah-buahan masak meranum. Ramai munafik tidak turut serta.
- Nabi tinggal selama 20 hari di Tabuk dan membuat perjanjian dengan puak-puak Arab dan Kristian di sana
- Allah menghukum 3 sahabat yang tidak serta ke Tabuk. Mereka dipulaukan
- Allah mengampunkan 3 sahabat dari kesalahan mereka setelah mereka bertaubah (surah at-Taubah ayat 118)

Kaum munafik membina 'Masjid Dirar' di Quba

- Allah mewahyukan niat dan tujuan kaum mnunafik (at-Taubah 107-108)
- Masjid Dirar dibakar dengan orang yang di dalamnya sekali

Abu Bakar memimpin para muslimin mengerjakan haji

- Dzulhijjah 9 Hijrah

Hajjatul Wada'

- Haji perpisahan
- 10 Hijrah
- 114000 muslimin turut serta mengerjakan haji. Semua isteri nabi juga turut hadir
- Nabi menyampaikan wasiat akhir kepada ummah muslimin supaya meneruskan usaha menyebarkan dan menyampaikan kalimah Allah hingga akhir zaman

Nabi mula sakit

- 11 Hijrah
- Umur 63 tahun

Sakit bertambah tenat. Abu Bakar memimpin sembahyang jemaah. Akhirnya nabi wafat pada 12 Rabiul awal 11 Hijrah di atas pangkuan Aisyah. Jenazah nabi dikebumikan di tempat Aisyah. Masyarakat muslimin melantik Abu Bakar menjadi Khalifah menggantikan nabi untuk meneruskan perjuangan menegakkan Deen al-Islam di muka Bumi.

Bahan rujukan:

1. *The life of Muhammad - Ibn Ishaq*
2. *The life of Muhammad - Abdul Hameed Sidiqi*
3. *Muhammad the Benefactor of Humanity - Naem Sidiqi*
4. *Muhammad Rasulullah - Muhammad Hamidullah*

TAFSIR SURAH AL-FATIHAH

Sinopsis Surah Al-Fatihah

Surah Al-Fatihah adalah surah Al-Quran yang pertama mengajarkan kepada kita berdoa memohon dan meminta kepada ALLah s.w.t. Doa yang pertama diajarkan meminta taufik dan hidayah supaya meniru dan menurut jejak orang yang telah dikasihi ALLah, iaitu mereka yang telah dikasihi Allah, iaitu mereka yang telah mempergunakan hidupnya untuk keperluan bersama, kebahagiaan bangsa dan masyarakat serta negara. Menjauhkan diri dari segala sesuatu yang mendatangkan kemurkaan ALLah atau terpesong dari jalan yang benar.

Segala Puji Bagi ALLah, Tuhan Sekalian Alam

Segala puji bagi ALLah, Tuhan sekalian alam, ALLah yang menjadikan alam, mengasuh, mendidik, memelihara, menyempurnakan dan menunjuk sekalian yang ada di dalam alam, samada langit dengan isinya, alam bumi dengan segala yang ada padanya dan alam haiwan dengan segala jenisnya. Puji-pujian itu hendaklah terbit dari hati yang benar-benar mengetahui akan kebesaran ALLah dan kudrat kuasanya. Dengan melihat tanda-tanda yang ada di atas alam ini, seperti alam langit, alam bumi, alam binatang, alam manusia dan lain-lain alam yang tidak diketahui oleh manusia tetapi alam-alam itu telah dijadikan oleh ALLah.

- **Alam Langit**

- Perhatikan alam langit dengan mata kepala dan mata hati. Di sana ada matahari merupakan satu kemegahan yang agung menyinari alam pada masa siang. Di sana ada bulan yang merupakan makhluk yang lunak lembut di tabir langit yang memberi cahaya di malam hari.
- Di sana ada bintang berjuta-juta banyaknya, besar dan kecil, jauh dan dekat, mengerlip dan begemerlapan, menjadi perhiasan kepada angkasa yang luas. Sekalian daripada matahari dan bintang teratur dan tersusun, beredar menurut masa dan ketika tidak berlanggar satu sama lain, tidak tergesel atau berdahulu-dahuluan.
- Di sana ada awan sentiasa berkisar di antara langit dan bumi, sebagai penapis kepada hawa matahari yang hangat dan takungan besar yang mencurahkan air daripadanya, membasahi bumi, menghidupkan tumbuh-tumbuhan haiwan dan juga manusia.
- Di sana ada angin dan udara berhembus dari utara ke selatan, dari barat ke timur, berulang-alik memenuhi segenap lapangan. Udara itu ada yang cepat berlari, ada yang perlahan-lahan, ada yang sejuk nyaman dan yang hangat berbahang. Udara adalah menjadi syarat yang pertama bagi makhluk hidup di bumi ALLah s.w.t

- **Alam Bumi**

- Perhatikan alam bumi, penuh dengan tumbuhan yang menghidupkan, menguning, merah muda dan tua, tinggi rendah, besar kecil, ada yang boleh dimakan dan ada pula yang tidak boleh dirasa, ada yang menjadi ubat, ada yang menjadi racun, berbuah, berisi dan lain-lain.

- **Alam Binatang**

- Perhatikan alam binatang. Ada yang liar, yang berbisa, yang berpenawar, yang boleh dimakan dan ada yang tidak boleh dimakan. Sekalian berkembang biak, hidup terpelihara menurut tabiat masing-masing.

- **Alam Manusia**

- Perhatikan alam manusia, pada dirinya ada segala suatu yang ada pada alam, diri anggota yang kasar kepada anggota yang halus, segala-galanya untuk kebahagiaan

hidup manusia di alam yang fana ini. Kerana inilah maka kita mengucapkan dan memuji kepada ALLah s.w.t dengan gerak hati yang sedar atas kejadian dan kebesarannya.

Yang Maha Penyayang Lagi Pengasih

Yang Maha Penyayang lagi Pengasih, memberikan rahmat lagi bersifat penyantun. Jelasnya :

Ar-Rahman - pemberian yang diberikan kepada sekalian hambaNya di dunia ini dengan tidak mengecualikan seorang dari yang lain.

Ar-Rahim - Yang diberikan kepada hamba-hambaNya yang mukmin sahaja terutama limpah kurniaNya kepada orang mukmin di akhirat.

Kejadian-kejadian yang dijadikan ALLah s.w.t untuk faedah manusia seluruhnya dan sekalian pemberian-pemberiannya bukan kerana terpaksa atau mengharapkan pembalasan tetapi adalah kejadian-kejadian dan pemberian kepada seluruh alam semata-mata dengan sifat Ar-rah-manirra-him yang ada padaNya.

Yang Memerintah Di Hari Kiamat

Yang Memerintah di hari Kiamat serta mempunyai dan berkuasa pada hari itu. Hari kiamat ialah hari pembalasan. Iaitu setelah hancur dunia seluruhnya, pada hari sekalian makhluk berhimpun di Padang Mahsyar untuk mendapat keadilan di atas segala perbuatan-perbuatan yang dilakukan di dunia ini.

Di sana, manusia akan ditanya di atas perbuatan-perbuatan atau perkataan-perkataan:

- i) tentang umurnya, ke mana dan bagaimana dihabiskan
- ii) tentang ilmu, apakah diperbuat dengan ilmunya
- iii) tentang masa kelapangan, apakah yang kesempatan yang digunakan baginya
- iv) tentang harta, dari mana dia mendapatkannya dan ke mana ia dibelanjakan
- v) juga ditanya segala gerak hati kecilnya yang memang tidak diketahui oleh sesiapa

Hanya Engkau Sahaja Kami Sembah, Hanya Engkau Sahaja Kami Mohon Pertolongan.

Hanya Engkau sahaja yang kami sembah, hanya Engkau sahaja kami memohon pertolongan. Menyembah ertinya tunduk kepada ALLah disertai dengan rasa kebesaran yang disembah. Memohon pertolongan ertinya meminta dan berharap pertolongan hanya boleh dilakukan kepada ALLah, tidak boleh kepada yang lain. Hendaklah tunduk dengan perasaan hina diri kepada ALLah yang disembah.



Tunjukkan Kami Jalan Yang Lurus

Jalan yang lurus itu ialah jalan yang benar dan betul. Meminta petunjuk itu hendaklah timbulnya dari rasa hati zahir dan batin. Sama juga seperti rasa lapar, menunjukkan minta makan, rasa dahaga menunjukkan minta air dan menangis menunjukkan rasa sedih yang berharap kelepasan dan bantuan atau hiburan. Begitulah manusia mesti menimbulkan rasa hati yang menunjukkan berhajat kepada petunjuk ALLah.

Terutamanya minta petunjuk ALLah bagi pancaindera iaitu mata, hidung, lidah dan kulit supaya terjauh dari perkara-perkara yang merosakkan pancaindera itu. Begiu juga meminta petunjuk kepada akal nya supaya mendatangkan keselamatan dan kebahagiaan bagi dirinya, masyarakat, agama dan juga negara.

Jalan Yang Telah Engkau Berikan Nikmat Di Atas Mereka

- Jalan yang telah Engkau berikan nikmat di atas mereka. Siapakah mereka yang telah Mendapat nikmat, kita memohon untuk meniru dan menurut jejak mereka?
- Mereka yang telah mendapat nikmat itu ialah Rasul-rasul, sahabat dan lain-lain orang yang kita memohon baik perhubungan dengan ALLah, dan bekerja dengan segala tenaga bagi keselamatan dan kebahagiaan hamba-hamba ALLah. Untuk meniru jejak langkah mereka, kita pohonlah supaya ALLah berikan taufik kepada kita bagi mengikut mereka.

Bukan Jalan Yang Telah Engkau Murka Di Atas Mereka

- Bukan jalan yang Engkau telah murka di atas mereka. Siapakah mereka yang telah dimurkai ALLah? Mereka yang dimurkai ALLah ialah orang Yahudi dan kafir, atau mereka yang sudah Islam kemudian mereka berpaling dari Islam, atau orang yang durhaka kepada ALLah sesudah mereka taat dan menunaikan segala suruhan dan ibadat. Maka kita pohon, dengan limpah kurnia ALLah supaya kita terselamat dari kemurkaan ALLah.

Dan Bukan Pula Jalan Orang Yang Sesat

- Dan bukan pula jalan orang yang sesat. Siapakah orang yang telah sesat itu? Mereka yang sesat ialah orang yang belum pernah mendapat petunjuk ALLah s.w.t kerana tidak pernah sampai kepada mereka seruan agama. Atau sampai seruan agama kepada mereka tetapi tidak menarik perhatian. Dan mereka mencari jalan yang lain, iaitu:
 - i) Orang-orang yang telah mendapat nikmat dari ALLah s.w.t
 - ii) Orang dimurkai ALLah s.w.t
 - iii) Orang-orang yang sesat

TAFSIR SURAH AN-NAS

Objektif :

- Memahami dan boleh menyatakan tentang asas 'aqidah Islamiyah seperti dalam surah.
- Memahami dan boleh menyatakan bahawa tempat pergantungan mendapatkan perlindungan hanyalah kepada ALLah s.w.t. dengan sifat-sifat seperti dalam surah.
- Berwaspada dalam aktiviti kehidupan seharian dan dapat mengelak daripada mengikuti dan terpengaruh dengan bisikan-bisikan dan ajakan kepada kejahatan.

Huraian :

- Surah ini diturunkan sekali gus dengan Surah Al-Falaq
- ALLah memperkenalkan zatNya dengan 3 sifat :
 - a) Rab An-Nas;
 - b) Malik An-Nas;
 - c) Ilah An-Nas.
- ALLah memperkenalkan diriNya dekat dengan manusia sehingga Dia menggabungkan antara zatNya iaitu Rab, Malik dan Ilah dengan kalimah an-nas iaitu manusia.
- Dengan mempunyai 3 sifat ini, hanya ALLah s.w.t sahaja yang dapat memberikan perlindungan kepada manusia daripada bisikan kejahatan syaitan Al-Khannas (syaitan yang mengintip dan mengintai-intai peluang untuk membisikkan kejahatan ke dalam hati manusia).
- ALLah dalam surah ini mengajar manusia secara praktikal bagaimana cara untuk mendapatkan perlindungan daripada kejahatan syaitan tersebut kerana lafaz yang terkandung dalam surah ini sahajalah permohonan perlindungan dari manusia dimakbulkan oleh ALLah. ALLah tidak menggunakan ayat perintah atau lafaz perintah dalam menyuruh manusia memohon perlindungan tetapi ALLah mengajar terus cara dan lafaz yang mesti digunakan dalam memohon perlindungag kepadaNya.
- Dengan surah ini juga ALLah s.w.t memberitahu kita bahawa Ia sentiasa bersedia dan sudi untuk memberi perlindungan kepada hambaNya.
- Manusia sangat perlu mendapatkan perlindungan ALLah s.w.t sahaja dari pancaroba kehidupan yang paling bahaya iaitu bisikan kejahatan syaitan kerana syaitan adalah musuh utama dan pertama manusia sejak mula manusia diciptakan.
- Syaitan yang membisikkan kejahatan ini terdiri daripada syaitan jin dan syaitan manusia.
- Ciri-ciri syaitan ialah membisikkan dan menggoda ke arah kejahatan.
- Fokus tempat syaitan membisikkan kejahatan dalam diri manusia ialah hati.
(Hadith :)

TAFSIR SURAH AL-FALAQ

Objektif :

- Memahami dan boleh menyatakan tentang asas 'aqidah Islamiyah seperti dalam surah.
- Memahami dan boleh menyatakan bahawa tempat pergantungan mendapatkan perlindungan hanyalah kepada ALLah s.w.t. dengan sifat-sifat seperti dalam surah.
- Berwaspada dalam aktiviti kehidupan seharian dan memohon perlindungan daripada kejahatan-kejahatan makhluk seluruhnya seperti yang disebut dalam surah.

Huraian :

- Surah ini diturunkan sekali gus dengan Surah An-Nas. Sebab turunnya ialah kerana ada riwayat yang menyatakan bahawa Rasulullah terkena sihir (rujuk Fi Zillal Al-Quran : Syed Qutb) dan ayat ini diturunkan untuk menjadi penawar sihir.
- ALLah s.w.t memperkenalkan zatNya dengan sifat Rab Al-Falaq dengan erti Tuhan waktu Subuh atau Tuhan seluruh makhluk.
- ALLah s.w.t dalam surah ini mengajar manusia untuk mendapatkan perlindungan daripada kejahatan seperti yang tersebut dalam surah (kejahatan seluruh makhluk yang diciptakan, kejahatan malam yang gelap gelita, kejahatan tukang sihir, kejahatan orang-orang yang hasad apabila ia menghasad)
- ALLah s.w.t tidak menggunakan ayat perintah atau lafaz perintah dalam menyuruh manusia memohon perlindungan tetapi ALLah mengajar terus cara dan lafaz yang mesti digunakan dalam memohon perlindungan kepadaNya.
- Dengan surah ini juga, ALLah s.w.t memberitahu kita bahawa Dia sentiasa bersedia dan sudi untuk memberi perlindungan kepada hamba-hambaNya.
- Manusia sangat perlu mendapatkan perlindungan ALLah sahaja daripada kejahatan-kejahatan makhluk-makhluk yang diciptakan oleh ALLah. Oleh kerana ALLah yang menciptakan makhluk-makhluk ini maka hanya ALLah sahajalah yang dapat menahan kejahatan tersebut daripada menimpa manusia.
- Setiap makhluk ada baik dan buruk/jahatnya, maka kita mohon perlindungan daripada sifat-sifat buruk/jahat itu.

AKHLAK MUSLIM

Muqaddimah

- Akhlak dari segi bahasa ialah sifat atau tabiat. Manakala dari segi istilah ialah sifat yang bersemadi dalam jiwa dan berdasarkan dorongan dan pertimbangan akan lahirnya perbuatan yang dikatakan baik atau buruk.
- Terdapat tiga teras utama akhlak Islam : benar, ikhlas dan sabar. Jika ketiga-tiga tiada dalam mana-mana akhlak, maka pincanglah akhlak dan sesuatu amal itu tidak sempurna.
- Akhlak yang mulia menjadi matlamat asas bagi risalah Islam. Hadis riwayat Bukhari; *"Sesungguhnya aku diutus hanyalah untuk menyempurnakan akhlak mulia"*
- Akhlak yang mulia merupakan tanda dan hasil dari iman yang sebenar.
- Akhlak merupakan amal yang paling berat diletakkan dalam neraca hamba pada hari akhirat.
- Dalam Islam, akhlak merupakan intipati bagi segala ibadat : tanpa ibadah seolah-olah seperti adat resam dan gerak laku yang tidak mempunyai nilai. *"Sesungguhnya solat itu mencegah dari perkara keji dan mungkar"*(Al-ankabut:45)

Sifat-sifat seorang Muslim

Antara sifat-sifat akhlak yang mesti dimiliki oleh seorang Muslim ialah :

1. Bersifat warak dari melakukan perkara-perkara syubhat.
2. Menundukkan pandangan daripada perkara-perkara yang diharamkan Allah(AnNur:30)
3. Memelihara lidah daripada perkataan yang tidak memberi faedah, percakapan yang kotor, kalimah dan ibarat yang keji dan cakap kosong, mengumpat dan mengadudomba.
4. Malu : bersifat malu dalam semua keadaan, tetapi tidak menghalang daripada memperkatakan kebenaran.
5. Sifat lemah-lembut dan sabar perlu ada dalam diri seorang Muslim. Sesuai dengan tugas kita sebagai khalifah dan da'i di dunia ini. (AnNur:22) (AzZumar:10)
6. Bersifat benar dan jujur. Tidak berdusta, mengatakan sesuatu yang hak walaupun terhadap dirinya dan tidak takut dengan celaan manusia demi kepatuhan kepada ALLah. Dusta adalah sifat yang hina dan merupakan pintu masuk kepada ranjau-ranjau syaitan.
7. Bersifat tawaduk di kalangan saudara-saudara seagama. *"Tidak akan masuk syurga orang yang didalam hatinya terdapat sebesar zarah sifat takbur"* (H.R.Muslim)
8. Menjauhi perbuatan sangka buruk, mengumpat, mencari keburukan orang lain. (AlHujurat:12) (AlAhzab:58)
9. Bersifat pemurah, sedia mengorbankan diri dan hartanya pada jalan ALLah. (2: 272)
10. Menjadi qudwah hasanah bagi orang ramai.



KEUTAMAAN SOLAT

Keutamaan solat lima waktu

a) Menghapus dosa-dosa

Abu Hurairah berkata, saya mendengar Rasulullah saw bersabda, "Bagaimana pendapatmu seandainya ada sebuah sungai mengalir di depan pintu rumahmu yang engkau gunakan mandi lima kali sehari dalam setiap hari, apakah masih terdapat kotoran yang masih melekat pada tubuh?" Sahabat menjawab, "Tidak." Nabi bersabda, "Itulah perumpamaan solat lima waktu, kerana dengan mendirikannya Allah menghapus dosa-dosa yang masih ada." (Riwayat Bukhari dan Muslim)

b) Mencegah perbuatan keji dan mungkar (Al-Ankabut:45)

c) Dijanjikan syurga dan kemuliaan bagi orang yang menjaga solatnya (Al-Maarij :33-34)

d) Solat dan sabar sebagai penolong kita sepanjang masa (Al-Baqarah :45)

Keutamaan solat berjemaah

a) Islam amat menitikberatkan umatnya solat secara berjemaah (Al-Baqarah: 43)

b) *Ibnu Umar r.a berkata; Rasulullah saw bersabda, "Solat berjemaah lebih utama daripada solat bersendirian dengan dua puluh tujuh darjat." (H.R. Bukhari dan Muslim)*

c) *Abu Hurairah berkata, Rasulullah saw bersabda, "Siapa yang pergi pada pagi atau petang ke masjid, maka Allah menyediakan untuknya hidangan di syurga setiap kali ia pergi pagi atau petang." (H.R. Bukhari dan Muslim)*

d) Seorang lelaki buta datang kepada Rasulullah saw meminta izin agar boleh melakukan solat di rumahnya kerana tiada yang memimpinnya, namun tidak diizinkan selama dia mendengar azan.

e) Dapat mengenali orang lain, mengeratkan ukhuwwah dan belajar dari orang alim.

f) Dalam peperangan pun, Islam mengajar untuk bersolat secara berjemaah - menunjukkan solat secara berjemaah sangat dititik beratkan.

Ihsan dalam solat

a) Ihsan dalam solat ialah;

- Memperelokkan pekerjaan solat kita dan dengan itu menjadikannya bertambah elok.

- Kamu menyembah ALLah seolah-olah kamu melihat-Nya.

"Jibrail bertanya kepada Rasulullah saw : "Ceritakanlah kepadaku mengenai ihsan" Baginda bersabda : "Kamu menyembah ALLah seolah-olah kamu melihat-Nya dan sekiranya kamu tidak melihat-Nya maka Dia melihat kamu..." (Riwayat Muslim)

b) Dua hakikat dalam solat;

Solat seseorang tidak akan dkira sempurna melainkan dengan melaksanakan kedua-dua hakikat ini sekaligus.

1) Hakikat Lahir

Hakikat Lahir :- Membaca, ruku', sujud dan seumpamanya iaitu tugas-tugas solat dari yang zahir.

2) Hakikat Batin

Hakikat Batin :- Khusyu', hadir hati, tulus ikhlas yang sempurna, meneliti dan memahami makna-makna bacaan, tasbih dan seumpamanya.

c) Tugas solat yang zahir ialah bahagian badan dan anggota. Manakala tugas solat yang batin ialah bahagian hati dan rahsia kebatinannya. Yang kedua inilah tempat yang diperhatikan oleh ALLah terhadap setiap hambaNya, yakni hati dan rahsia dalam dirinya.

MENGENAL KEAIBAN DIRI

Ketahuilah bahawasanya Allah swt bila menghandaki hambaNya sesuatu kebaikan terlebih dahulu dinampakkan kepadanya keaiban-keaiban diri sendiri. Maka barangsiapa *bashirah*nya (matahatinya) terbuka, tidak akan terlindunglah segala keaiban dirinya. Jika ia telah mengetahui keaiban diri, mudahlah ia mencari ubatnya. Tetapi kebanyakan orang mudah nampak keburukan orang yang kecil tetapi tidak nampak keaiban diri sendiri yang besar.

Cara mengenal keaiban diri:

1) Duduk dengan seorang syeikh (guru) yang terang mata hatinya.

- guru itu boleh mengetahui keaiban-keaiban diri dan menyingkap penyakit yang bersarang di dalam hati, dan dapat memberikan petunjuk-petunjuk untuk menolak keaiban tersebut. Itulah caranya hubungan seorang murid dengan gurunya.



2) Mencari seorang teman karib yang boleh dipercayai, bijaksana dan lurus agamanya.

- teman ini akan memerhatikan segala tingkah-lakunya. Apa yang dibenci dari perbuatan atau keaiban-keabannya akan diingatkannya.
- Umar Ibnul Khattab r.a pernah berkata : Semoga ALLah merahmati orang yang menunjuki aku akan keaibanku. Beliau pernah bertanya kepada Huzaifah, katanya : Engkau adalah tempat Rasulullah s.a.w menyimpan rahsianya mengenai orang-orang munafikin. Adakah kiranya padaku ini tanda-tanda nifaq?
- Meskipun kita semua telah mengetahui bahawa Saidina Umar itu mempunyai tingkatan yang tinggi dan kedudukan yang mulia, namun beliau masih juga mencurigai dirinya sendiri.
- Kita harus merasa gembira jika ada orang yang suka menegur tentang keburukan-keburukan kita. Tetapi amat jarang sekali orang yang bersikap semacam ini. Malah kita menentang pula orang yang memberi nasihat itu dengan berkata : Engkau juga tidak kurang cacatnya dariku.
- Kelakuan serupa ini adalah timbul dari kekerasan hati yang telah disebabkan oleh terlalu banyaknya dosa. Ini semua terbit dari kelemahan iman manusia kepada Tuhan.

3) Hendaklah mengambil faedah (berlapang dada) bila mengetahui keaiban-keaiban diri dari cacian lidah-lidah musuh, sebab pandangan orang yang benci itu akan menampakkan berbagai-bagai kekurangan diri.

- Barangkali faedah yang didapati dari seorang musuh hatinya penuh kebencian lebih banyak faedahnya dari seorang kawan yang suka bermuka-muka, padahal keaiban diri kita tidak pula diberitahu.

4) Bergaul dengan orang ramai dan setiap sikap yang tercela yang ditunjukkan oleh mereka hendaklah diperhatikan pada diri kita pula.

- Sebab orang mukmin itu adalah cermin kepada mukmin yang lain. Sepatutnya ia boleh melihat dan meneliti keaiban-keaiban dirinya daripada keaiban-keaiban orang lain.

HADITH : MUJAHADAH 1

Dari Abu Hurairah r.a katanya :

“RasuluLLah s.a.w bersabda : Orang mukmin yang kuat adalah lebih baik dan dicintai oleh ALLah daripada orang mukmin yang lemah. Namun keduanya itupun sama memperoleh kebaikan. Berlumbalah untuk memperoleh apa saja yang memberikan kemanfaatan padamu dan mohonlah pertolongan kepada ALLah dan janganlah merasa lemah. Jikalau engkau terkena sesuatu musibah, maka janganlah engkau berkata “Andaikata saya mengerjakan begini, tentu akan menjadi begini dan begitu”. Tetapi berkatalah ‘Ini adalah taqdir ALLah dan apa saja yang dikehendaki olehNya tentu Dia melaksanakannya”, sebab sesungguhnya ucapan ‘andaikata / kalau’ itu membuka pintu godaan syaitan.”(H.R Muslim)¹

- **Pengajaran :**

1. Perlu tahu bahawa ALLah menyukai / menyintai orang mukmin yang kuat [fizikal, mental, spiritual (jiwa) dan emosi].
 - Mental - ilmu Islam/akademik. Kuat spiritual maknanya ilmu Islam perlu diamalkan, akademik mesti dimanfaatkan.
2. Dalam kehidupan ada orang kuat/ lemah. Kedua-duanya ada kelebihan/kebaikan.
 - orang yang lemah tidak berputus asa tetapi perlu berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan kekuatan atau sesuatu yang memberikan kebaikan/pertolongan dengan ALLah. Jangan merasa lemah, terus maju berusaha. Jika sesuatu musibah menimpa, jangan berkata kalau-kalau..tetapi katakanlah sesungguhnya itu ketentuan ALLah.
3. Syaratnya : berusaha bersungguh-sungguh dan berhubungan terus dengan ALLah s.w.t



MUJAHADAH II

Daripada Anas RA dan daripada Nabi SAW dalam satu hadith yang diriwayatkan daripada Allah SWT firmanNya (hadith Qudsi), “Jikalau seseorang hamba itu mendekatkan dirinya kepadKu sejengkal, maka Aku mendekat kepadanya sehasta dan jikalau dia mendekat kepadKu sehasta maka Aku mendekat kepadanya sedepa, jikalau hamba itu mendatangi Aku dengan berjalan, maka Aku mendatangnya dengan berlari anak. (H. Riwayat Bukhari)²

- **Pengajaran:**

1. Istilah sehasta/sedepa adalah perumpamaan. Maksud di sini ialah sesiapa yang mengerjakan ketaatan kepada Allah sekalipun sedikit Allah akan menerimanya dan melipatgandakan pahalanya. Disamping itu pelakunya akan diberi kemuliaan oleh Allah didunia dan akhirat. Semakin besar dan banyak ketaatannya kepada Allah maka semakin besar dan bertambah-tambah lah pahalanya.
2. Meskipun seseorang itu melakukan ketaatan dengan perlahan-lahan/sedikit-sedikit Allah tidak pula memperlahan/merperlambat pahala tetapi Allah segera menilai atau memberikan pahalanya itu dengan penilaian pahala yang Allah sahaja yang menetukannya.

¹ Riyadhus Shalihin, Jilid 1 (m/s 201)

² Riyadhus Salihin, Jilid 1 [m/s 198]

GALAKAN MEMBACA AL-QURAN

Pengenalan

Al-Quran adalah wahyu Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad saw sebagai pedoman bagi kehidupan manusia. Al-Quran juga merupakan kitab suci Allah yang lengkap mengatur segala aspek kehidupan manusia yang wajib diimani dan diamalkan untuk mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

Keistimewaan Al Quran

1. Al-Quran Kitab Hidayah
Al-Quran adalah kitab hidayah dan petunjuk ke jalan yang lurus bagi orang-orang yang beriman dan bertakwa kepada Allah swt. *"Kitab (Al-Quran) ini tidak ada sebarang syak padanya, menjadi petunjuk bagi orang-orang yang bertakwa."* (Al Baqarah:2)
2. Al-Quran sebagai Rahmat
Al-Quran datang membawa rahmat kepada orang-orang yang beriman. *"(Al-Quran) inilah bukti yang nyata dari Tuhanmu, petunjuk dan rahmat bagi orang-orang yang beriman."* (Al-A'raaf : 203)
3. Al-Quran Terpelihara Dari Sebarang Perubahan
Al-Quran adalah kitab Allah yang sentiasa terpelihara dari sebarang perubahan hingga hari kiamat. *"Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya."* (Al-Hijr:9)
4. Al-Quran sebagai ubat dan penawar
"Dan Kami turunkan dari Al-Quran itu sesuatu yang menjadi ubat (penawar) dan rahmat bagi orang-orang beriman." (Al-Isra':82)

Kelebihan Kepada Pembaca Al Quran

1. Membaca Al-Quran adalah sebaik-baik ibadah.
"Sebaik-baik kamu adalah yang mempelajari Al-Quran dan yang mengajarkannya" (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)
2. Ganjaran kebaikan berlipat ganda
"Sesiapa yang membaca satu huruf dari kitab Allah, dicatat baginya satu kebaikan dan setiap kebaikan itu dilipat ganda menjadi sepuluh. Aku tidak kata Alif Lam Mim itu satu huruf tetapi Alif satu huruf, Lam satu huruf dan Mim satu huruf." (H.R Tirmizi)
3. Diangkat darjat pembaca dan kedua ibubapanya
"Sesungguhnya Allah mengangkat (darjat) beberapa golongan dan merendahkan beberapa golongan lain dengannya (Al-Quran)." (Hadis riwayat Muslim)
4. Menjadi syafaat di Hari Kiamat
"Bacalah Al-Quran kerana sesungguhnya ia akan datang pada hari kiamat sebagai syafaat kepada tuannya." (Hadis riwayat Ibnu Hibban)
5. Dikurniakan rahmat dan ketenangan
"Tidak berkumpul satu kaum di salah sebuah rumah Allah melainkan mereka membaca Al-Quran dan mengkajinya, melainkan diturunkan ketenangan dan rahmat kepada mereka, para malaikat akan menyelubungi mereka dan Allah akan menyebut tentang mereka kepada malaikat-malaikat yang ada disisiNya" (Hadis riwayat Muslim)

Mari Bersama Al Quran

Untuk menjadikan Al-Quran sebagai pedoman kita, diantara perkara yang boleh dibuat adalah;

- a) Memiliki Al-Quran yang mudah dibawa
- b) Memiliki sebuah tafsir (cth Tafsir Pimpinan Ar Rahman)
- c) Berkebolehan membaca Al-Quran dengan baik (jika lemah perlu berusaha untuk belajar)
- d) Memastikan Al-Quran dibaca setiap hari
- e) Memahami Al-Quran dengan membaca makna atau tafsirnya
- f) Menghafal surah-surah tertentu secara berperingkat
- g) Menghadiri kelas-kelas Al-Quran seperti kelas tajwid, kelas iqra dan tafsir.

